



UTM.03/10.12/3 (45)

## PEKELILING PENTADBIRAN PEJABAT BENDAHARI BIL 1/2010

### MASALAH DISIPLIN STAF (KEHADIRAN)

Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk menerangkan mengenai sistem rekod kehadiran staf Pejabat Bendahari, pemantauan yang dibuat serta tindakan disiplin yang boleh diambil terhadap staf yang tidak mengambil berat akan disiplin kehadiran di pejabat.

*Pejabat Bendahari, Universiti Teknologi Malaysia pernah memberi kelonggaran waktu masuk pejabat yang sepatutnya bermula pukul 8.00 pagi kepada 8.10 pagi. Namun begitu, melalui pemerhatian pihak pengurusan, terdapat segelintir staf yang didapati sering datang lewat ke pejabat sehingga menjangkau 8.30 pagi.*

*Selain itu, terdapat staf yang didapati Datang Tanpa Slide (DTS) dan Balik Tanpa Slide (BTS) tanpa sebarang alasan. Ada segelintir juga yang didapati langsung tidak slide kehadiran (tidak dapat dipastikan sama ada datang ke pejabat atau tidak) tetapi tidak mengisi borang cuti yang sepatutnya.*

*Justeru, bagi menangani masalah ini dan memandangkan peringatan kehadiran bulanan yang dihantar kepada staf-staf tertentu jarang diambil perhatian, pihak pengurusan telah menggariskan beberapa peraturan kehadiran dengan tujuan memberi kesedaran dan disiplin kepada staf.*

1. Staf yang didapati datang lewat ke pejabat (**melebihi jam 8.00 pagi**) serta tidak mendapat pengesahan kelewatkan hadir daripada Ketua Jabatan melebihi 3 kali dalam sebulan akan diberi surat peringatan untuk memperbaiki kehadiran.
2. Staf yang didapati **Datang Tanpa Slide (DTS)** secara automatik akan dikira keluar pejabat **2 jam** dan direkod dalam Buku Rekod Cuti Pejabat Bendahari.
3. Staf yang didapati **Balik Tanpa Slide (BTS)** pula secara automatik akan dikira keluar pejabat **3 jam** dan direkod dalam Buku Rekod Cuti Pejabat Bendahari.
4. Staf yang datang lewat **melebihi** pukul **8.30 pagi** dikehendaki mengisi borang keluar pejabat dan diserahkan ke UPPSM untuk tindakan selanjutnya.
5. Sila ambil maklum bahawa staf **DILARANG** sama sekali mendaftar slide datang / balik untuk rakan sepejabat. Sekiranya didapati tertangkap, staf yang men'slide' kan kehadiran serta rakannya yang terlibat boleh dikenakan tindakan tatatertib.

6. Sekiranya TERLUPA SLIDE DATANG / BALIK, sila dapatkan borang berkenaan di UPPSM atau sila layari laman web Bendahari – Unit Pengurusan Sumber Manusia
  7. Sila ambil perhatian **SERIUS** bahawa PSM **TIDAK AKAN** lagi mengeluarkan Peringatan Bulanan mengenai masalah kehadiran saudara sepertiimana yang telah dilakukan sebelum ini.
- Pekeliling Pentadbiran PBUTM Bil 1/2010 ini berkuatkuasa mulai **1 Mac 2010**



**MOHAMED BIN ABDULLAH**

**Bendahari,  
UTM Skudai**

**Tarikh:**

(seperti yang dipersetujui melalui Mesyuarat Pengurusan PBUTM Bil 2/2009 pada 16 Julai 2009)